



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KANDUNGAN DAN STRUKTUR WACANA DALAM TEKS UCAPAN
PERSIDANGAN PARLIMEN MAHASISWA***

NURUL AFIFAH ADILA BINTI MOHD SALLEH

FBMK 2017 54



**KANDUNGAN DAN STRUKTUR WACANA DALAM TEKS UCAPAN
PERSIDANGAN PARLIMEN MAHASISWA**

Oleh

NURUL AFIFAH ADILA BINTI MOHD SALLEH

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera

Julai 2017



HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Ribuan terima kasih dikalungkan buat;
Suami tercinta Maal Fikri Jelani,
Anakanda tersayang Amanda,
Keluarga kandung di Kuantan,
Keluarga mertua di Pulau Pinang,
Yang sentiasa memapah, menasihati dan menyokong padu dalam setiap perkara
sehingga aku berjaya mencapai dan menamatkannya.

Ribuan terima kasih juga dikalungkan buat;
Profesor Dr. Normaliza Abd Rahim,
Yang mengajar dan mencerahkan ilmu menggunung tinggi tanpa jemu,
Rakan-rakan taulan,
Yang membantu dan membakar semangatku tanpa henti.

Segala apa yang diberikan oleh insan-insan ini,
Amatlah dihargai dan disanjungi,
Semoga tuhan membalas budi dan jasa kalian,
Di dunia atau di akhirat.

Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera

KANDUNGAN DAN STRUKTUR WACANA DALAM TEKS UCAPAN PERSIDANGAN PARLIMEN MAHASISWA

Oleh

NURUL AFIFAH ADILA BINTI MOHD SALLEH

Julai 2017

Pengerusi : Profesor Normaliza Abd Rahim, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memberi fokus terhadap kandungan wacana dan struktur Persidangan Parlimen Mahasiswa. Objektif kajian adalah untuk menghuraikan kandungan wacana dalam teks ucapan Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015. Objektif seterusnya adalah untuk menjelaskan struktur ucapan dalam teks Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015. Permasalahan kajian yang didapati ialah mahasiswa dilihat kurang mahir menggunakan bahasa dan gagal menguasainya dengan baik semasa bersosial dan kebanyakan pendengar mengalami masalah dalam memahami ucapan penutur berikutkan kegagalan penutur menyampaikan makna serta melakukan penstrukturkan ucapan dengan baik. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis kandungan teks yang diambil dari buku Laporan Persidangan Parlimen Mahasiswa Sesi 2015. Sebanyak 20 teks ucapan yang terkandung dalam buku tersebut telah dipilih untuk dikaji. Seterusnya, kajian ini menggunakan Teori Analisis Wacana oleh Brown & Yule (1983) dan Teori Struktur Wacana Interaksi oleh Asmah Haji Omar (1987) yang akan diaplikasi pada bahagian keputusan dan perbincangan kajian. Dapatkan kajian bagi objektif pertama ialah terdapat mahasiswa yang menggunakan keempat-empat elemen iaitu praandaian, implikatur, rujukan dan inferens dalam teks ucapannya. Namun, ada juga mahasiswa yang tidak menggunakan elemen implikatur dan rujukan. Dapatkan kajian bagi objektif kedua pula ialah terdapat mahasiswa yang menggunakan kelima-lima elemen struktur wacana interaksi iaitu pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan penutup. Namun, terdapat mahasiswa yang tidak menggunakan elemen pengenalan pemeran dan tanya jawab. Kesimpulannya, kandungan wacana persidangan parlimen mahasiswa ini boleh difahami maksudnya serta ucapan persidangan ini dilihat berstruktur.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirements for the degree of Master of Arts

**CONTENT AND STRUCTURE OF DISCOURSE IN STUDENTS TEXT
PARLIAMENTARY CONFERENCE**

By

NURUL AFIFAH ADILA BINTI MOHD SALLEH

July 2017

**Chairman : Professor Normaliza Abd Rahim, PhD
Faculty : Modern Language and Communication**

This study focuses on text discourse and structure in the Students Parliamentary Conference 2015. The objective of the study is to describe the content of the text discourse used in the Students Parliamentary Conference 2015. The next objective is to explain the structure of the text speech used in the Students Parliamentary Conference 2015. The problem of the study was that the students lack the skills in using the language and failed to master them well while socialising. Most listeners experienced problems in understanding the speech delivered by the speakers due to the failure of the speakers in conveying the message and inept performance of speech restructuring. This study used the qualitative method of analyzing the content of the text taken from the book entitled Student Parliament Session 2015. A total of 20 speeches from the book were selected to be studied. This study used the Discourse Analysis Theory by Brown & Yule (1983) and Theory of Discourse Structure Interaction by Asmah Haji Omar (1987) which will be applied in the results and discussions. The findings of the first objective are a student who uses all four elements, namely presuppositions, implicates, references and inferences in the text of his speech. However, there are also students who do not use implicates elements and references. The findings of the second objective are the students who use the five elements of the interaction discourse structure namely the opener, the introduction of the cast, the purpose statement, the question and the cover. However, there are students who do not use the element of introduction of the cast and question and answer. The conclusion shows that the contents of the discourse of the students' parliamentary conference can be understood and their speech is structured.

PENGHARGAAN

Syukur saya ucapkan kepada-Nya yang telah memberi petunjuk kearah kejayaan yang dikecapi dalam menyiapkan tesis yang bertajuk “Kandungan dan Struktur Wacana dalam Teks Ucapan Persidangan Parliment Mahasiswa”. Menyiapkan tesis mengikut tempoh yang ditetapkan merupakan satu kejayaan yang paling bermakna buat saya. Penyelidikan ini merupakan sebahagian syarat untuk memperoleh ijazah Sarjana Sastera (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

Oleh itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penelia master saya Profesor Dr. Normaliza Abd Rahim yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat secara berterusan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Setiap bimbingan dan ilmu yang dikongsi bersama membawa kepada kejayaan yang paling bermakna dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberikan sokongan dan dorongan sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat yang telah banyak menghulurkan bantuan dan memberikan teguran yang membina. Segala bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan bantuan anda semua amatlah saya hargai kerana tanpa semua ini, kajian saya tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 10 Julai 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurul Afifah Adila Mohd Salleh bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Kandungan dan Struktur Wacana dalam Teks Ucapan Persidangan Parlimen Mahasiswa" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Idris Aman, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Normaliza Abd Rahim, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Mohd Sharifudin Yusop, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nurul Afifah Adila binti Mohd Salleh (GS45983)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami.
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Dr. Normaliza Abd Rahim

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Haji Mohd Sharifudin Yusop

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Permasalahan kajian	4
1.4 Persoalan kajian	6
1.5 Objektif kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	7
1.7 Batasan kajian	7
1.8 Definisi operasional	8
1.8.1 Wacana	8
1.8.2 Struktur	9
1.8.3 Teks ucapan	9
1.8.4 Persidangan parlimen mahasiswa	10
1.9 Kesimpulan	11
2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian tentang pengucapan awam	12
2.3 Kajian tentang wacana	20
2.4 Kesimpulan	25
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	26
3.2 Reka bentuk kajian	26
3.3 Kaedah kajian	26
3.3.1 Populasi dan Persampelan	27
3.3.2 Bahan kajian	27
3.3.3 Prosedur	27
3.3.3.1 Langkah pertama	27
3.3.3.2 Langkah kedua	28
3.3.3.3 Langkah ketiga	28
3.3.3.4 Langkah keempat	28

3.4	Teori analisis wacana dan teori struktur wacana interaksi	28
3.4.1	Kerangka teori analisis wacana	29
3.4.1.1	Praandaian	29
3.4.1.2	Implikatur	31
3.4.1.3	Rujukan	33
3.4.1.4	Inferens	33
3.4.2	Kerangka teori struktur wacana interaksi	35
3.4.2.1	Pembuka	36
3.4.2.2	Pengenalan Pemeran	37
3.4.2.3	Pernyataan Tujuan	37
3.4.2.4	Tanya Jawab	37
3.4.2.5	Penutup	38
3.5	Analisis data	38
3.6	Kerangka konseptual	39
3.7	Kesimpulan	40
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	41
4.2	Kandungan wacana ucapan Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015	41
4.2.1	Subjek 2	41
4.2.2	Subjek 3	44
4.2.3	Subjek 10	47
4.2.4	Subjek 13	49
4.3	Struktur ucapan dalam teks Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015	51
4.3.1	subjek 1	51
4.3.2	subjek 13	54
4.3.3	subjek 19	57
4.3.4	subjek 20	59
4.4	Kesimpulan	60
5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	61
5.2	Rumusan	61
5.3	Cadangan	62
5.3.1	Perluasan Sampel dan bahan kajian	62
5.3.2	Pemilihan teori	62
5.3.3	Kaedah kajian	63
5.4	Penutup	63
BIBLIOGRAFI		64
BIODATA PELAJAR		71

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Jadual praandaian, implikatur, rujukan dan inferens subjek 2	41
2. Jadual praandaian, implikatur, rujukan dan inferens subjek 3	44
3. Jadual praandaian, rujukan dan inferens subjek 10	47
4. Jadual praandaian, implikatur dan inferens subjek 13	49
5. Jadual pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab, penutup subjek 1	51
6. Jadual pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, Tanya jawab, penutup subjek 13	54
7. Jadual pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, penutup subjek 19	57
8. Jadual pembuka, pernyataan tujuan, penutup subjek 20	59

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.	Kerangka teori analisis wacana oleh Brown & Yule (1983)	29
2.	Kerangka struktur wacana interaksi oleh Asmah Haji Omar (1987)	35
3.	Kerangka konseptual	39

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa perkara penting yang menjadi tulang belakang dalam melaksanakan penyelidikan tentang kandungan wacana dan struktur Persidangan Parlimen Mahasiswa. Secara keseluruhan, bab ini menyentuh tentang latar belakang kajian secara terperinci bagi menerangkan perkara yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung. Permasalahan kajian juga telah dikenal pasti, yang mana akan menerangkan sebab-sebab sehingga kajian ini perlu dilaksanakan kerana masalah-masalah tertentu. Selain itu juga, persoalan dan objektif kajian turut dibincangkan. Objektif dan persoalan kajian ini perlu selari dan saling berkaitan. Kemudian, bab ini juga akan membincangkan kepentingan kajian kepada beberapa pihak yang dilihat berkaitan dan mendapat impak dari kajian ini. Batasan kajian secara rinci dan definisi operasional terhadap tajuk penyelidikan turut ditulis kerana kedua-duanya merupakan perkara penting dalam membantu penghasilan kajian.

1.2 Latar belakang kajian

Menyedari hakikat bahawa mahasiswa merupakan aset sesebuah negara, pelbagai usaha untuk meningkatkan jati diri dan modal insan telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sejak dari dahulu lagi. Penekanan terhadap pendidikan akademik dan kurikulum mahasiswa berjalan seiring bagi memastikan Malaysia mampu melahirkan mahasiswa minda kelas pertama (Khaled Nordin, 2010). Golongan mudamudi ini sering dikatakan sedang menghadapi fenomena “darah muda” yang dilihat amat meminati dan gemar melontarkan idea secara terbuka di mana-mana medium yang dikira sesuai sama ada media sosial, media cetak, media elektronik dan sebagainya (Mustaffa Kamil Ayub, 1991). Bagi mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT), pelbagai platform telah diberikan untuk mereka menyuarakan pendapat dan melontarkan idea seperti pertandingan debat, bahas, pidato, forum dan lain-lain.

Medan perbahasan secara rasmi antara mahasiswa sudah diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1994 dengan tertubuhnya Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM). MADUM merupakan badan rasmi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang menguruskan segala hal berkaitan pembangunan pengucapan awam antara mahasiswa di Malaysia (Mizan Hitam, 2015). Sejak dari itu, pertandingan bahas mula giat dilaksanakan dan mendapat sambutan yang amat baik dari perwakilan mahasiswa seluruh Malaysia (Saifuddin Abdullah, 2012). Antara pertandingan bahas terawal yang diadakan di Malaysia adalah Petandingan Debat Alam Sekitar, Pertandingan Debat Diraja, Pertandingan Debat Integriti, Pertandingan Debat Perdana Gender dan Pertandingan Debat Perpaduan.

Persidangan Parlimen Mahasiswa sesi 2015 peringkat kebangsaan julung kalinya telah diadakan pada 27 Januari 2015 di Dewan Negara, Parlimen Malaysia yang melibatkan seramai 183 orang mahasiswa dari 19 Institut Pengajian Tinggi Awam (Abdul Aziz Rahman, 2015). Walaupun Persidangan Parlimen Mahasiswa bukanlah sebuah pertandingan antara mahasiswa, namun ia juga merupakan medan pengucapan awam bagi mahasiswa untuk membahaskan pelbagai isu yang berlaku di Malaysia. Sepanjang persidangan ini berlangsung, terdapat 20 isu yang dibahaskan. Antaranya ialah isu biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), pengangguran mahasiswa, pengamalan gaya hidup sihat, cara menangani kos sara hidup, Akta Hasutan 1948, golongan kurang upaya, pengantarabangsaan universiti, kebolehpasaran mahasiswa dan pelbagai lagi (Zaleha Kamaruddin, 2015).

Pengilhaman untuk mengadakan Persidangan Parlimen Mahasiswa ini bermula dengan pertemuan YBhg Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Rahman, Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dengan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan semasa berlangsungnya Majlis Penyerahan Buku 100 Wira Negara kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan pada 10 Disember 2013 (Abdul Aziz Rahman, 2015). Maka rentetan daripada pertemuan inilah berlakunya perencanaan usaha untuk melaksanakan sebuah program yang mampu melahirkan pemimpin masa hadapan. Justeru, Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Parlimen Malaysia bergabung tenaga bagi melaksanakan Persidangan Parlimen Mahasiswa ini.

Tujuan utama Parlimen Mahasiswa ini diadakan adalah untuk mewujudkan platform kepada mahasiswa supaya berdisiplin dan menghormati perlumbagaan negara sebagai generasi pemimpin masa hadapan. Selain itu, Parlimen Mahasiswa ini juga memberi pendedahan dan melatih mahasiswa untuk berbahas secara rasional, intelektual dan ilmiah tentang pelbagai isu serta memberi ruang kepada mahasiswa untuk menyuarakan idea dan mengetengahkan pandangan golongan muda tanpa dipengaruhi pihak luar (Mizan Hitam, 2015). Persidangan ini berlangsung selama sehari iaitu bermula pada jam 10 pagi dan berakhir pada jam 5.45 petang.

Sebelum persidangan ini dijalankan di parlimen, kesemua peserta telah dikumpulkan selama tiga hari di *Genting View Resort* bermula dari 23 hingga 25 Januari 2015 bagi menjalani bengkel latihan khas. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan ilmu, kemahiran dan etika berucap dalam persidangan parlimen serta melatih peserta untuk mengambil bahagian dalam perbahasan secara rasional, intelektual dan ilmiah ketika persidangan berlangsung. Selain itu, melalui bengkel ini juga, pengajur telah berjaya memilih seramai 22 daripada 183 orang mahasiswa yang akan membahaskan isu pada hari persidangan tersebut (Abdul Aziz Rahman, 2015). Justeru, peserta yang tidak dipilih sebagai pembahas isu, akan bertindak sebagai penanya soalan atau celahan ketika Persidangan Parlimen Mahasiswa berlangsung di Parlimen Malaysia pada 27 Januari 2015.

Meskipun berbeza latar belakang dari segi bidang pendidikan, agama, umur dan sebagainya, kesemua mahasiswa mampu duduk sebumbung di Parlimen Malaysia

selama sehari untuk membahaskan 20 isu yang sedang kritikal di Malaysia (Zaleha Kamaruddin, 2015). Mahasiswa dilihat mampu mengungkapkan pertuturan dengan lancar dan melontarkan idea dengan bernas. Maka, wacana dalam Persidangan Parliment Mahasiswa ini telah menarik perhatian untuk dijadikan bahan kajian. Wacana bukan sekadar wujud dalam aspek penulisan, malah ia boleh juga dilihat dalam aspek komunikasi atau interaksi yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang berbeza-beza (Rahman Shaari, 1993).

Crystal (1992) mentafsirkan wacana ialah regangan bahasa yang berkesinambungan dan lebih besar daripada ayat, kebiasaannya wacana dilihat sebagai satu bentuk unit yang bersatu, sebagai contoh khutbah, hujah, jenaka atau cerita. Manakala Salkie (1995) menafsir wacana sebagai regangan bahasa yang lebih dari satu ayat. Definisi wacana ini ditambahkan pula oleh Johnstone (2002), bahawa wacana ialah komunikasi atau percakapan dalam wadah bahasa. Asmah Haji Omar (1980) memberitahu bahawa wacana ialah unit bahasa yang melebihi batasan ayat. Bagi Asmah Haji Omar (1980), wacana terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku atau siri buku yang menunjukkan kesatuan dan hubungan antara butir-butir fikiran serta perkembangan akaliah.

Dalam pengucapan pula, bahasa digunakan untuk menyampaikan idea dan gambaran. Ucapan dilihat mempunyai perbezaan dengan pidato dan syarahan dari segi penyampaian dan penglihatan (Nurul Ain Abdul Razak, 2015). Ucapan boleh ditakrifkan sebagai ungkapan atau keupayaan untuk meluahkan pemikiran dan perasaan dengan suara yang jelas. Secara umumnya, ucapan ialah susunan kata yang diucapkan melalui penglahiran idea, intonasi suara tertentu dan pergerakan fizikal secara lisan untuk merangsang dan mempengaruhi pemikiran serta perasaan pendengar (Nurul Ain Abdul Razak, 2015). Melalui ucapan, pengucap seharusnya mempunyai pengetahuan yang luas, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan idea utama yang diucapkan.

Menurut Tarigan (2011), ucapan merupakan bahagian yang secara keseluruhan menunjukkan keperibadian, mencerminkan linkungan seorang pengucap, keadaan hubungan sosial dan tahap pendidikannya. Heywood (2004) pula menyatakan bahawa pengucapan ialah suatu alat untuk menyampaikan idea yang disusun serta dikembangkan sesuai dengan keperluan dan merupakan alat yang mendedahkan sesuatu kepada khalayak pendengar sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Ucapan boleh dikelaskan berdasarkan tujuan seperti memberi maklumat, menghibur dan memujuk.

Kridalaksana (1984) menyatakan bahawa wacana lisan ialah wacana yang disampaikan secara lisan oleh seseorang melalui media lisan. Sebagai khalayak pendengar, wacana lisan perlu diterima, difahami dan dinikmati semasa memerdengarkan ungkapan lisan tersebut. Kinneavy (1980) menyatakan bahawa wacana merangkumi keseluruhan teks dan tidak terhad kepada bentuk yang dilahirkan melalui teks sahaja. Malah, wacana boleh terdiri daripada sebahagian atau keseluruhan idea daripada lisan atau tulisan. Hal ini jelas bahawa wacana mencakupi pengucapan dalam khalayak seperti pidato, bahas, syarahan, penulisan dan sebagainya (Nurul Ain Abdul Razak, 2015). Kesimpulannya, wacana ucapan ialah satuan lengkap dalam pengucapan yang disampaikan oleh

seseorang dengan memperlihatkan kesenian dalam penggunaan bahasa dengan tujuan untuk menyampaikan idea atau maklumat dengan lebih berkesan.

Kajian ini mengkaji kandungan wacana yang diambil dari Buku Laporan Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015. Wacana teks menurut Fairclough (1992) merupakan satuan bahasa bertulis yang lengkap dan utuh kerana pada setiap bahagian dalam wacana tersebut dihubungkan secara padu. Wacana teks dalam kebahasaan ditempatkan pada hierarki teratas kerana ia merupakan satuan gramatikal tertinggi dan terbesar. Wacana teks dapat dilihat melalui perkataan, kalimat, paragraf atau karangan utuh yang lebih besar, seperti buku atau artikel yang berisi penulisan lengkap (Sanat Md. Nasir, 2002). Perkataan yang digunakan dalam wacana teks haruslah berpotensi menjadi kalimat, bukan kata yang tidak membawa makna. Wacana teks amat bergantung pada keutuhan unsur makna dan konteks yang melingkupinya. Wacana teks juga ialah sebuah tulisan yang memiliki urutan yang teratur atau logik. Sebelum menulis sesebuah wacana, harus ditentukan dahulu tema atau tujuannya agar sesuai dan menepati kehendak penulisan teks tersebut (Asmah Haji Omar, 1980). Justeru, dapat disimpulkan bahawa wacana teks ialah unit tertinggi dalam bahasa dan dapat diterjemahkan menerusi pelbagai bentuk sehingga merangkumi pelbagai peristiwa bahasa.

1.3 Permasalahan kajian

Setiap kajian yang dilakukan sudah semestinya bermula dengan munculnya masalah-masalah tertentu yang terjadi dalam persekitaran manusia serta bahasa yang digunakan. Oleh itu, kajian ini dilakukan rentetan daripada beberapa masalah yang timbul. Sejak akhir-akhir ini, didapati penggunaan bahasa Melayu oleh mahasiswa semakin parah dan perlu dibimbangkan. Hal ini kerana, bahasa Melayu yang digunakan oleh mahasiswa tidak menepati ciri-ciri bahasa yang betul dan seharusnya diberikan perhatian serta diutamakan (Tamam Timban, Zabri Mohamad & Afendi Hamat, 2011). Seandainya masalah ini tidak diperangi, kesalahan bahasa yang lebih berat akan berlaku dan bahasa tersebut akhirnya menjadi rosak dan punah (Nik Safiah Karim, 2003). Justeru, penggunaan bahasa yang betul sebenarnya boleh mengangkat dan memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri. Menurut Yahya Othman, Roselan Baki & Naapie Mat (2009), usaha memartabatkan bahasa Melayu tidak ada pengakhiran. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan, bahasa rasmi serta bahasa ilmu, usaha untuk memartabat dan mendaulatkan bahasa Melayu perlu diketengahkan dan dilaksanakan secara konsisten dengan perancangan yang rapi dan berfokus.

Mahasiswa dilihat kurang mahir menggunakan bahasa dan gagal menguasainya dengan baik semasa bersosial dalam sesebuah majlis atau perbincangan rasmi (Aminuddin Mohd. Yusof, 1990). Dapatan kajian oleh Aminuddin Mohd. Yusof (1990) ini menunjukkan bahawa sekumpulan mahasiswa iaitu seramai 40 orang dari sebuah IPTA di Malaysia dilihat lemah dalam menyampaikan makna ketika berbual dalam sebuah perbincangan rasmi berkenaan alam sekitar. Perbualan mahasiswa ini direkodkan dan dinilai. Selain itu, maklum balas dari peserta perbualan turut diambil, yang mana menunjukkan terdapat salah faham terhadap maklumat yang ingin disampaikan oleh mahasiswa. Kajian ini hanya merekod dan menilai perbualan mahasiswa tersebut dari segi penggunaan bahasanya, namun tidak diaplikasi teori untuk melihat dari perspektif

yang lebih luas dan jelas seperti elemen implikatur, praandaian, rujukan dan inferens dalam sesebuah ucapan.

Golongan mahasiswa ini sudah menerima pendidikan bahasa melalui pembelajaran subjek bahasa Melayu dari peringkat rendah sehingga peringkat menengah. Hal ini merupakan suatu masalah yang perlu dikhawatirkan dan dibimbangkan kerana bahasa yang ditutur oleh mahasiswa amat mempengaruhi masyarakat kerana suara mereka ini lebih didengari. Kemudian, masalah kurang mahir menggunakan bahasa ini juga akan mencerminkan keperibadian mahasiswa kepada masyarakat umum. Walhal mahasiswa merupakan pemimpin dan tauladan kepada masyarakat untuk dicontohi dan diikuti. Suprihatien (2016) menyatakan bahawa golongan mahasiswa kini dilihat memandang remeh terhadap penggunaan bahasa sehingga menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam memahami bahasa tersebut. Seharusnya, golongan terpelajar seperti mahasiswa ini perlu menguasai penggunaan bahasa Melayu dan memanfaatkannya untuk menyampaikan ideologi dan pandangan yang baik kepada masyarakat.

Abdullah Hassan (1998) memberitahu bahawa kepemimpinan merupakan tingkah laku yang boleh mempengaruhi seseorang individu agar secara senang hati dan tidak dipaksa melakukan apa yang dikehendaki oleh pemimpin tersebut. Oleh itu, kepemimpinan seseorang boleh disabitkan dengan kebolehan berkomunikasi yang baik dan berkesan. Para sarjana juga ada yang menyatakan bahawa kepimpinan merupakan pengaruh seseorang dalam sesuatu situasi menerusi proses komunikasi ke arah pencapaian matlamat khusus (Tannenbaum & Yulk, 1992). Hal ini jelas bahawa, mahasiswa yang merupakan golongan pemimpin haruslah menguasai bahasa dengan baik agar kepimpinan yang dibawanya dapat dicontohi dengan jelas dan sempurna.

Suprihatien (2016) mencadangkan pemimpin perlu menggunakan satu komunikasi kepemimpinan yang lebih baik, iaitu selalu berkomunikasi dan menghayatinya, berkomunikasi secara lisan, memberi respon dan minat yang baik semasa mendengar, menunjukkan moral yang baik semasa berkomunikasi dan memberi perhatian apabila berkomunikasi secara tidak rasmi. Menurut Tarigan (2011), konsep kepemimpinan melibatkan lapan nilai dimensi seperti agama, budaya, ekonomi, politik, estetika, teknologi, sosial dan psikologi dalam diri seseorang pemimpin dan orang yang dipimpin. Justeru, bagi memastikan seorang pemimpin mempunyai daya kepimpinan melalui komunikasi, penguasaan bahasa perlu ditingkatkan agar komunikasi dapat dijalankan dengan lancar dan baik. Selain itu juga, struktur ucapan seseorang pemimpin haruslah baik agar pendengar mudah untuk memahami apa yang diucapkan.

Kebanyakan pendengar mengalami masalah dalam memahami ucapan penutur berikutan kegagalan penutur dalam menyampaikan makna dan melakukan penstrukturkan ucapan dengan baik (Bayram, 2010). Kefahaman makna dalam sesuatu pertuturan merupakan perkara yang penting kerana sebuah pertuturan dianggap berjaya mencapai matlamat sekiranya kesemua pihak memahami apa yang dibicarakan (Tarigan, 2011). Oleh sebab itu, penekanan terhadap aspek makna perlu ditekankan, maka tidak lain dan tidak bukan adalah melalui penguasaan bahasa dan kepintaran perucap memilih bagaimana struktur ucapannya.

Terdapat banyak kajian tentang kesalahan bahasa Melayu. Nurul Ain Abdul Razak (2015), telah mengklasifikasikan bahasa kepada kesilapan global dan kesilapan lokal. Kesilapan global adalah kesilapan yang boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakfahaman. Manakala kesilapan lokal pula adalah kesilapan bahasa yang menimbulkan kejanggalan. Hal ini menunjukkan bahawa kesilapan bahasa berlaku apabila masyarakat tidak memahami penggunaan bahasa dengan betul. Nurul Ain Abdul Razak (2015) juga mengatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Penggunaan konteks tidak formal dalam konteks formal inilah yang menyebabkan kesalahan berlaku. Oleh itu, mahasiswa haruslah bijak dalam menggunakan bahasa Melayu mengikut konteks yang sesuai. Maka kesimpulannya, daripada semua permasalahan yang telah dikenal pasti ini, didapati kajian kandungan wacana dan struktur Persidangan Parliment Mahasiswa mampu untuk memberikan sumbangan dalam menyelesaikannya. Bagi mencapai objektif 1, kajian ini menggunakan pendekatan pragmatik kerana permasalahan kajian yang wujud adalah berkenaan makna bahasa, manakala pendekatan analisis wacana akan digunakan untuk mencapai objektif 2, iaitu mengetahui struktur dalam sesebuah ucapan samaada lengkap atau tidak.

1.4 Persoalan kajian

Dalam kajian ini, dua persoalan dinyatakan bagi mencapai objektif yang digariskan dan bertepatan dengan tajuk kajian. Persoalan dan objektif kajian perlu selari dan saling berkaitan. Maka, persoalan kajian yang telah dikenal pasti adalah:

1. Apakah kandungan wacana teks dalam Persidangan Parliment Mahasiswa 2015?
2. Apakah struktur ucapan dalam teks Persidangan Parliment Mahasiswa 2015?

1.5 Objektif kajian

Berdasarkan permasalahan dan persoalan kajian di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan bahasa mahasiswa yang berbahas di Persidangan Parliment Mahasiswa 2015 dari aspek kandungan wacana dan struktur. Namun, kajian ini secara khusus bertujuan untuk memenuhi dua objektif seperti berikut:

1. Menghuraikan kandungan wacana dalam teks ucapan Persidangan Parliment Mahasiswa 2015
2. Menjelaskan struktur ucapan dalam teks Persidangan Parliment Mahasiswa 2015

1.6 Kepentingan kajian

Setiap kajian yang dilakukan perlulah mempunyai kepentingan yang dapat diberikan kepada mana-mana pihak supaya kajian tersebut berguna dan tidak sia-sia (Teeuw, 1998). Pemilihan untuk menjadikan Persidangan Parliment Mahasiswa ini sebagai bahan kajian dan mengkajinya dari sudut wacana adalah suatu kajian yang tidak sia-sia. Kajian ini amat penting untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada mahasiswa, pengajur program, penonton persidangan dan masyarakat umum agar mutu penggunaan bahasa dapat ditingkatkan.

Pertama, kajian ini penting kepada mahasiswa khususnya peserta Persidangan Parliment Mahasiswa agar mereka dapat menguasai penggunaan bahasa ketika menyampaikan ucapan atau dalam penulisan. Sebagai seorang mahasiswa yang sedang berbahas dan diperhatikan oleh golongan umum, bahasa yang digunakan perlulah jelas maknanya supaya difahami. Kedua, kajian ini juga memberi kepentingan kepada masyarakat umum kerana mereka dapat menambah ilmu pengetahuan disamping dapat memahami apa yang dituturkan oleh mahasiswa dengan jelas dan baik.

Ketiga, kajian ini penting kepada pengajur program iaitu Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Parliment Malaysia agar *key performance index* (KPI) yang menjadi tanda aras keberjayaan program tersebut berada pada tahap baik. Keempat, apabila mahasiswa mampu menggunakan bahasa dengan baik maka penonton atau masyarakat umum boleh memahami ucapan tersebut secara berkualiti dan berkesan. Justeru, ia akan menggambarkan kecemerlangan pengajuran kerana mencapai target dan matlamat yang telah disasarkan. Program ini akan dijadikan acara tahunan, justeru kajian ini amat penting agar segala kekurangan dari segi penggunaan bahasa dan struktur dalam wacana Persidangan Parliment Mahasiswa boleh diperbaiki dan tidak diulangi. Tuntasnya, kajian ini memberi kepentingan yang besar kepada golongan mahasiswa, pengajur program, penonton persidangan serta masyarakat umum. Maka, atas semua kepentingan ini, teks Persidangan Parliment Mahasiswa 2015 dijadikan bahan penyelidikan untuk dikaji.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada kandungan wacana dan struktur Persidangan Parliment Mahasiswa Peringkat Kebangsaan Sesi 2015 yang diadakan di Parliment Malaysia. Ucapan persidangan ini telah direkodkan dan ditulis semula oleh pegawai yang bertugas di Parliment Malaysia. Kemudian, teks ucapan tersebut disalin dan ditulis semula di dalam buku bertajuk “Laporan Persidangan Parliment Mahasiswa 2015”. Buku ini telah diterbitkan oleh bahagian penerbitan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK). Daripada 20 teks ucapan yang terkandung dalam buku laporan tersebut, hanya 7 teks ucapan sahaja yang dipilih untuk dijadikan bahan kajian iaitu teks ucapan subjek 1,2,3,10,13,19 dan 20. Pemilihan subjek ini adalah melihatkan kepada isu yang dibahaskan menarik dan terkini.

Seterusnya, kajian ini menggunakan Teori Analisis Wacana oleh Brown & Yule (1983) dan Teori Struktur Wacana Interaksi oleh Asmah Haji Omar (1987). Kedua-dua teori ini akan diaplikasi dalam bab empat iaitu bahagian hasil dan perbincangan kajian. Penggunaan teori ini akan memudahkan kajian tentang kandungan wacana dan struktur Persidangan Parlimen Mahasiswa 2015.

1.8 Definisi operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah dan konsep yang digunakan bagi merujuk kepada maksud tertentu. Oleh yang demikian, pengertian yang tepat dan jelas amat penting bagi mengelak kekaburuan makna. Definisi operasional yang perlu diterangkan atau dijelaskan adalah perkataan wacana, struktur, teks ucapan dan Persidangan Parlimen Mahasiswa.

1.8.1 Wacana

Wacana teks merupakan kesatuan bahasa yang lengkap dan tinggi serta boleh didapati dalam bentuk tulisan. Wacana teks boleh dilihat dan dirujuk dari sudut bentuk dan fungsinya. Melalui aspek bentuk, wacana teks merupakan kesatuan bahasa yang lebih besar daripada ayat atau klausa (Stubbs, 1989). Bagaimanapun, wacana teks tidaklah hanya dilihat kepada unit bahasa seperti ayat atau klausa dan wacana teks tidak dapat diterangkan berdasarkan saiznya sahaja. Wacana secara umumnya melibatkan semua tulisan sama ada formal atau tidak formal.

Wacana teks merupakan satu fokus khusus tentang penggunaan bahasa dalam penulisan. Wacana teks adalah unit bahasa dari segi penggunaannya (Halliday & Ruqaiya, 1980). Wacana teks dalam pengertiannya yang luas dapat difahami sebagai penulisan yang berasaskan (Carison, 1983). Menurut Asmah Hj. Omar (1986), sesuatu wacana boleh dilahirkan oleh seseorang dalam bentuk ucapan atau tulisan. Karangan merupakan wacana bertulis iaitu teks kerana di dalamnya terdapat proposisi-proposisi yang kait-mengait dan merupakan suatu kesatuan. Pidato atau ceramah juga merupakan wacana, tetapi wacana ini adalah wacana ujaran. Perbualan, temuduga, temubual dan sebagainya itu merupakan wacana individu atau interaksi.

Sarjana barat Fairclough (2003) menyatakan bahawa wacana teks khusus merujuk kepada penggunaan bahasa sebagai unsur dalam kehidupan sosial yang berkait rapat dengan unsur yang lain. Melalui pengertian-pengertian yang diutarakan, boleh dikatakan bahawa wacana teks ialah kesatuan bahasa yang terlengkap dalam penulisan dan mempunyai maksud. Wacana lisan melibatkan penutur dengan pendengar manakala wacana tulisan pula melibatkan penulis dengan pembaca. Wacana juga melibatkan hubungan penutur-penulis dengan masyarakat. Melalui ciri-ciri ini, ia telah melahirkan kelainan dalam gaya wacana, seperti gaya formal, gaya bersahaja, penggunaan bahasa kolokial dan sebagainya. Penutur-penulis haruslah mengetahui sasaran wacananya, sama ada pendengar atau pembaca. Hal ini penting kerana bagi

mencapai matlamat komunikasi yang berkesan. Ciri penting seterusnya adalah wacana mempunyai kesatuan maklumat dan sistemik dalam jalinan organisasinya.

1.8.2 Struktur

Struktur ialah suatu binaan yang mana susunannya teratur dan tertib mengikut konteks tertentu. Bagi menampakkan sesuatu itu teratur dan tertib, struktur perlu diikuti dan dipatuhi seperti kehendaknya (Abdul Mua'ti Haji Ahmad, 2007). Struktur ucapan ialah susunan sesebuah ucapan yang bermula dengan pembuka dan diakhiri dengan penutup. Sesebuah ucapan yang baik hendaklah disampaikan mengikut struktur yang ditetapkan. Setiap ucapan perlu didahului dengan kata alu-aluan bagi menghargai hadirin (Halimah Pondo, 2014). Ucapan yang tidak berstruktur akan menyebabkan pendengar tidak dapat mengikuti isi ucapan pengucap secara berkesan. Pendengar juga akan mengalami kekeliruan dalam memahami apa yang cuba disampaikan oleh penutur. Justeru, melakukan penstrukturkan terhadap sesebuah ucapan atau teks adalah perkara yang penting serta tidak boleh dipandang remeh oleh seseorang.

1.8.3 Teks ucapan

Sarjana tempatan iaitu Maimunah Haji Omar (1993) menyatakan bahawa teks ucapan merupakan sebahagian daripada perkara penting yang digunakan oleh seseorang dalam menyampaikan ucapannya di hadapan khalayak ramai. Ucapan boleh ditafsirkan sebagai susunan perkataan yang diungkapkan atau cara menyebut dan melafazkan sesuatu perkataan. Secara umumnya, ucapan boleh diertikan sebagai suatu penyampaian idea melalui lafadz dan disampaikan secara pidato sehala (Khairul Afsan Abu Bakar, 2015). Kebiasaannya, ucapan disampaikan dalam sesuatu upacara atau majlis khas seperti pertandingan, perhimpunan atau majlis rasmi. Walau bagaimanapun, ucapan dilihat berbeza berbanding dengan pidato dan syarahan dari segi penglibatan dan majlis.

Teks ucapan kebiasaannya mempunyai tajuk yang telah ditetapkan atau diberikan terlebih dahulu. Pelbagai gaya bahasa seperti unsur kiasan, jenaka dan peribahasa boleh disertakan dalam teks ucapan tersebut agar kelihatan lebih menarik (Khairul Afsan Abu Bakar, 2015). Teks ucapan juga harus diberikan penekanan terhadap apa yang ingin dikatakan seperti sanjungan, penerangan, pujian dan penjelasan. Bahasa yang dipilih dan digunakan dalam sesuatu teks ucapan perlulah kelihatan mudah, padat dan berkesan. Sesuatu penulisan seperti teks ucapan itu pasti ada cara dan formatnya yang tersendiri. Penulisan teks ucapan mempunyai format yang telah ditetapkan dan ia terdiri daripada empat bahagian utama. Bahagian utama tersebut ialah kata alu-aluan, pendahuluan, isi dan penutup (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, 2010).

1.8.4 Persidangan Parlimen Mahasiswa

Persidangan Parlimen Mahasiswa merupakan sebuah program yang dianjurkan oleh Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Parlimen Malaysia. Program ini diadakan selama sehari iaitu pada 27 Januari 2015 bertempat di Dewan Negara, Parlimen Malaysia. Matlamat utama program ini diadakan adalah untuk memastikan mahasiswa berdisiplin dan menghormati perlembagaan negara sebagai generasi pemimpin pelapis masa hadapan. Selain itu juga, Parlimen Mahasiswa ini dapat memberikan pendedahan dan melatih mahasiswa untuk berbahasa secara rasional, intelektual dan ilmiah tentang pelbagai isu. Seramai 183 orang mahasiswa telah terlibat mewakili 19 Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Mereka dipilih berdasarkan beberapa kriteria iaitu bergiat aktif di kampus serta merupakan pemimpin persatuan, kolej kediaman dan fakulti di universiti masing-masing.

Sebelum persidangan ini bermula di Parlimen Malaysia, kesemua peserta perlu mengikuti bengkel khas selama 3 hari di Genting Highland. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan peserta ilmu, kemahiran dan etika berucap ketika di parlimen dan melatih peserta untuk mengambil bahagian dalam perbahasan secara rasional, intelektual serta ilmiah. Strategi perlaksanaan bengkel latihan telah dikendalikan oleh pihak urusetia dari MUBARAK dengan kerjasama pegawai-pegawai unit parlimen dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Parlimen Malaysia. Perlaksanaan bengkel tersebut dijalankan dengan baik, cekap, dan penuh berhemah. Kaedah perjalanan bengkel adalah pelbagai, merangkumi sesi ceramah, soal jawab, perbincangan secara berkumpulan, pembentangan, bimbingan, latihan rujukan bahan dan sumber, latih amal, simulasi dan penilaian.

Melalui bengkel ini, seramai 24 orang mahasiswa terbaik dari pelbagai universiti dan negeri telah disenarai pendek. Pemilihan tersebut dibuat berdasarkan beberapa perspektif, antaranya kepetahan berbahasa, melontarkan sesuatu idea yang berasas, cara penampilan, cara pergaulan dan cara menjawab isu yang dikemukakan dengan bijak. Penilaian juga mengambil kira aspek interaksi yang dilakukan sama ada antara peserta maupun pegawai. Persidangan Parlimen Mahasiswa mula bersidang dengan bacaan doa diikuti ucapan Tuan Yang Di-pertua Dewan. Persidangan bermula dengan pembentangan usul menyokong dasar-dasar kerajaan yang memberi impak kepada pembangunan modal insan bagi mencapai status negara maju. Pelbagai isu dan cadangan telah dibahaskan oleh peserta perwakilan sepanjang persidangan di parlimen berlangsung. Timbalan Yang Di-pertua Dewan Rakyat Yb Datuk Sri Dr. Ronald Kiandee dan Yb Datuk Haji Ismail bin Mohamed Said telah memainkan peranan sebagai Yang Di-Pertua Persidangan Parlimen Mahasiswa, manakala Ybh Datuk Rosmee Hamzah, dipertanggungjawabkan sebagai setiausaha Persidangan Parlimen Malaysia Sesi 2015.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab satu ini membincangkan perkara dan pemahaman asas berkenaan kandungan wacana dan struktur Persidangan Parlimen Mahasiswa. Permasalahan kajian, objektif, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional turut diterangkan dengan jelas dalam bab satu ini. Kajian ini merupakan suatu usaha untuk mengetahui penggunaan bahasa dan struktur ucapan mahasiswa dan kesannya kepada para pendengar atau pembaca. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan panduan kepada golongan mahasiswa, penganjur program iaitu Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Parlimen Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Rahman. (2015). *Parlimen mahasiswa 27 Januari*. <https://www.utusan.com.my/berita/parlimen/parlimen-mahasiswa-27-januari-1.51271> dilayari pada 17 Mei 2016
- Abdul Mua'ti Haji Ahmad. (2007). *Panduan pengucapan awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rani Osman & Bustanul Arifin Raden Mas Ahmad. (2008). *Analisis wacana: Sebuah kajian bahasa dalam pemakaian*. Indonesia: Universitas Negeri Malang
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2014). *Pemikiran reka cipta*. Kuala Lumpur: PTS Media
- Abdullah Hassan. (1998). *Isu-isu perancangan bahasa pengintelektualan bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Azahari (1998). *Tahap dan punca stres di kalangan guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup di negeri Perlis*. Thesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia
- Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman. (2001). *Teori Lingusitik*. Kuala Lumpur: Penerbit Saujana
- Adrian, A. (2001). *Linguistics: An introduction*. Cambridge: Huddleston, Rodney & Geoffrey K. Pullum
- Aminuddin Mohd. Yusof. (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Andrew, H. (2004). *Political theory: An introduction*. London: Palgrave Macmillan
- Anton, M. Moeliono. (1988). *Tatabahasa baku bahasa Indonesia*. Republik Indonesia: Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan
- Arbak Othman. (2010). Metafora haiwan: Kajian perbandingan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Jurnal Bahasa*. 10 (1), 21-32
- Arina Johari & Indirawati Zahid. (2016). Aplikasi strategi kesantunan dalam Rancangan Bual Bicara Motivasi Diri Radio Ikimfm. *Jurnal Bahasa*. (16)1, 120-152
- Aripin Said. (1996). *Koleksi terpilih cerita rakyat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (1980). *Analisis wacana* (bahagian pertama). Dewan bahasa (3): (11-25)

- Asmah Haji Omar. (1987). *Bahasa Malaysia saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Asmah Haji Omar. (2006). *Panduan wacana akademik teori dan penerapan edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Hj. Omar. (1986). *Aspek bahasa dan kajianya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (2009). *Panduan wacana akademik teori dan penerapan edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azimah Shurfa Mohammed Shukry. (2013). A critical discourse analysis of Mahathir Mohamad's speeches on the "war on terror". *IJUM Press*. 21(2), 171-195
- Barbara, J. (2002). *Discourse Analysis*. US: Wiley
- Beckson, K & Ganz, A. (1960). *Literary terms a dictionary*. New York: Farrar, Straus & Giroux
- Bloomfield, D. (1993). *Discourse analysis*. US: University of Arizona
- Brown, L. (1978). *Politeness theory*. Cambridge: CUP
- Brown, G. & Yule, G. (1983). *Discourse analysis*. England: Cambridge University Press
- Brown, P. & Levinson, S. (1987). *Politeness: Some universals in language use*. Cambridge: Cambridge University Press
- Burt & Kiparsky. (1972). *The Gooficon: A repair manual for English*. Mass: Newbury House
- Carlson, L. (1983). Political analysis. *The Journal of Political Economy*. (91) 3, 480-493
- Corder, S. P. (1973). *Introducing Applied Linguistics*. US: Pelican Books
- Coulthard, M. (1985). *An introduction to discourse analysis*. London: Longman
- Dan, S. & Deirdre, W. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. London: Wiley

- David, C. (1992). *Introducing linguistics*. California: Penguin English
- David, K. (1971). *Discourse and word order*. US: John Benjamins Publishing
- Edmondson, W. (1981). *Spoken discourse, a model for analysis*. New York: Longman.
- Ernest, L. S. (1983). *Leadership communication*. Chicago: Nelson Hall
- Faith, B. (2010). *Analisis ucapan Perdana Menteri Turki*. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/id/eprint/717/contents> dilayari pada 16 April 2016
- Filmore, C. J. (1981). *Studies in linguistic semantics*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc
- Firth, J. R. (1935). *The technique of semantics transaction of the philological society*. 36-72 (Reprinted in Firth (1975) Paper in Linguistics. London: Oxford University Press, (7-33)
- Givon, T. (1978). *Understanding grammar: Perspectives in neurolinguistics and psycholinguistics*. London: Academic Press
- Goffman, E. (1955). *An introduction to discourse analysis*. US: University of Chicago
- Grice, H. P. (1975). *Studies in syntax and semantics: Speech act*. New York: Academic Press
- Gumperz, J. J. (1982). *Discourse strategies*. Cambridge: Cambridge University Press
- Guy, C. (1989). *Discourse*. Oxford: OUP Oxford
- Halimah Pondo. (2014). *Teks perbahasan rasmi di parliment dari sudut genre*. Thesis PhD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
- Halliday, M. A. K. & Ruqaiya Hasan. (1976). *Cohension in english*. London: Longman Group Limited
- Halliday, M. A. K. & Ruqaiya Hasan. (1980). *Linguistics and machine translation*. Oxford: Oxford University Press
- Harimurti Kridalaksana. (1984). *Kamus linguistik*. Indonesia: Gramedia
- Harris, Z. (1952). *Discourse analysis*. London: Academic Press.
- Hassan Ahmad. (2004). *Nasionalisme dan perjuangan bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia
- Hasuria Che Omar. (2012). Analisis wacana kritis dalam program televisyen Raja Lawak dan implikasinya terhadap psikososial audiens di Malaysia. *Jurnal Bahasa*. 12 (1), 60-86

- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan – Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Idris Aman. (2011). *Wacana Najib Tun Razak*. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/id/eprint/717/contents> dilayari pada 28 Mac 2016
- James L. K. (1980). *A theory of discourse: The aims of discourse*. UK: Norton
- Jeniri Amir. (2008). *50 personaliti terbilang Malaysia*. Kuala Lumpur: Jenza
- Joan, C. (2002). *Pragmatics and discourse: A resource book for students*. Routledge: Routledge English Language Introductions
- Jumali Hj Selamat. (2001). *Cerminan sosial dan nilai murni dalam novel-novel remaja*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia
- Junling Wang. (2010). *Wacana Barack Obama*. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/id/eprint/717/contents> dilayari pada 8 Mac 2016
- Khaled Nordin. (2010). *Melahirkan modal insan minda kelas pertama*. http://jpt.mohe.gov.my/images/InstitusiPengajianTinggi/mpn/MPNbook_29march_6-1.pdf dilayari pada 4 September 2016
- Krech, D. & Crutchfield, R. (1962). *Individual in society*. Tokyo: Mc Grawhill Kogakusha-LTD
- Lyons, J. (1968). *Introduction to theoretical linguistics*. London: Cambridge University Press
- Maserah Shabudin & Idris Aman. (2012). Wacana dan ideologi iklan produk kecantikan berbahasa Jepun. *GEMA: Online Journal of Language Studies*. 12 (3), 789-816
- Mashetoh Abd Mutualib, Hishamudin Isam, Rohaidah Haron & Mohd Izani Mohd Zain. (2013). Menukangi aspek leksikal dan identiti dalam wacana Khaled Nordin berdasarkan perspektif analisis wacana kritis wacana tiga dimensi. *Pendeta*. 4 (13), 1-24
- Mizan Hitam. (2015). *Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM)*. <http://www.iium.edu.my/madum> dilayari pada 12 Mei 2016
- Mustaffa Kamil Ayub. (1991). *Gerakan mahasiswa: Visi dan misi*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu
- Nik Azis Nik Pa. (1994). *Penghayatan wawasan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Nik Muhamad Affendi & Nik Rafidah. (2013). Kepimpinan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran bahasa Melayu (KOMSAS). *Pendeta*. 12 (4), 96-115
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Safiah Karim. (2003). *Bimbingan pelajar bahasa kita jilid 2*. Selangor: Penerbit Cerdik Sdn Bhd
- Nik Safiah. (1981). *Bahasa Malaysia masa kini: Beberapa persoalan*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya
- Noresah Baharom. (2007). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Norman, F. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. London: Psychology Press
- Normaliza Abd Rahim. (2014). *Wacana bahasa*. Terengganu: Penerbit UMT
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the animal fable ‘Bird of paradise’ song. *Asian Social Science Journal*. 10 (19), 17-23
- Normaliza Abd Rahim, Arba’ie Sujud, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Interaksi kumpulan kecil pelajar Korea dalam pembelajaran Bahasa Melayu: Satu analisis wacana. *Journal of business and social development*. 2 (2), 91-99
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. (2016). Malay folklore discourse among Korean students. *Jurnal Kemanusian*. 25 (1), 12-21
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, Arbaie Sujud & Siti Nur Aliaa Roslan. (2014). Discussion among language learners: Conflict in communication. *Journal of Human Development and Communication*. 3, 9-16
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat. (2014). Learning via television cartoon. *Asian Social Science Jurnal*. 10 (15), 8-15
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Dissemination of values and culture through the E-Folklore. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. 16 (1), 32-36
- Nurfarhana Shahira Rosly, Normaliza Abd Rahim & Hazlina Abdul Halim. (2016). Interaksi ujaran kanak-kanak menerusi elemen pendigitalan dalam penceritaan. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 16 (1), 89-108

- Nur Hidayu Jaafar. (2015). *Refleksi animasi Upin dan Ipin dalam ujaran kanak-kanak*. Thesis master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh & Normaliza Abd Rahim. (2016). Ekspresi emosi dalam puisi moden terpilih. *Jurnal kesusasteraan Melayu DBP*. 29 (2), 250-267
- Nurul Ain Abdul Razak. (2015). *Retorik terhadap ucapan Sultan Kelantan*. Thesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
- Radiman Hj. Junaidi & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Wacana kepimpinan dalam ucapan Abdullah Badawi. *Jurnal Bahasa*. 13(1), 128-150.
- Rahman Shaari. (1993). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Raphael, S. (1995). *Text and discourse analysis*. London: Routledge
- Robert, C. S. (1978). *Context and content*. Oxford: Oxford University Press
- Rohaizah Abd Karim. (2014). *Analisis wacana ucapan Perdana Menteri Malaysia keenam sempena 100 hari menakhoda negara*. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/id/eprint/717/contents> dilayari pada 16 Ogos 2016
- Peter, F. S. (1950). Mind. *Oxford University Press*. 59 (235), 320-344
- Ruth, M. K. (1979). *Language in society*. UK: Cambridge University Press.
- Saifuddin Abdullah. (2012). *Pembangunan debat di Malaysia*. <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/saifuddin-abdullah/alasan-jawapan-menolak-debat-1.2947> dilayari pada 3 Jun 2016
- Sanad Md. Nasir. (2002). Pengupayaan tatabahasa wacana bahasa Melayu di Malaysia dan Singapura. *Jurnal Bahasa & Kebudayaan Melayu*. 1 (8), 83-92
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan struktur peristiwa bahasa: Komunikasi bebas konflik. *GEMA Online Journal of Language Studies*. (16)1, 67-87
- Sato Hirobumi. (1991). *Analisis wacana bahasa Melayu klasik berdasarkan teks Hikayat Hang Tuah*. Tesis PhD, Universiti Malaya
- Scheloff, E. A. & Sacks, H. (1973). Opening up closings. *Semiotica*. 8 (2), 287-327
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan falsafah, teori dan praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Dan, S & Deirdre, W. (1986). Relevance: *Communication and Cognition*. London: Wiley

- Stubbs, M. (1983). *Discourse analysis*. Chicago: University of Chicago
- Stubbs, M. (1989). *Discourse analysis: The sociolinguistic analysis of natural languages*. University of Chicago Press: Chicago
- Siti Noor Riha Sulong & Normaliza Abd Rahim. (2015). Language register in the song lyrics ‘The brilliant judge’. *Journal of Business and Social Development*. 3 (2), 103-113
- Sufean Hussin. (1995). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Selangor: Laser Press Sdn. Bhd
- Suprihatien. (2016). Fenomena penggunaan bahasa kekinian di kalangan mahasiswa. *Jurnal Inovasi*. XVIII (2), 77-86
- Gunter, T. (2011). *Pengantar ilmu komunikasi*. Jakarta: Rajawali
- Tannenbaum, S. I. & Yukl, G. (1992). Training and development in work organizations. *Annual Review of Psychology*. 43(8), 399-441
- Tarigan, H. G. (2011). *Pengajaran analisis kesalahan berbahasa*. Bandung: Angkasa Bandung
- Teeuw, A. (1998). *Sastra dan ilmu sastra: Pengantar teori sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya
- Wareing, S. (1999). *Language, society and power: An introduction*. USA: Routledge
- Wong, S. S. (2007). *Analisis teks ucapan RMK-9: Pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Yahya Othman, Roselan Baki & Naapie Mat. (2009). *Pemerkasaan pendidikan bahasa Melayu dari teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan
- Yoani Julita Sumasari. (2014). Analisis wacana iklan kosmetik media televisi. *Jurnal Pena*. 4 (1), 54-70
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Penggunaan bahasa dalam pertuturan kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik*. Thesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja di sekolah. *Jurnal Bahasa*. 16 (12), 62-74
- Zaleha Kamaruddin. (2015). *Parlimen Mahasiswa*. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/parlimen-mahasiswa-setiap-tahun-8211-tpm-1.53526> dilayari pada 26 Mei 2016



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KANDUNGAN DAN STRUKTUR WACANA DALAM TEKS UCAPAN PERSIDANGAN
PARLIMEN MAHASISWA

NAMA PELAJAR : NURUL AFIFAH ADILA BINTI MOHD SALLEH

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

- | | | |
|--------------------------|----------------------|---|
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan) |
| <input type="checkbox"/> | AKSES TERBUKA | Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian. |

Tesis ini akan dibuat permohonan :

- | | | |
|--------------------------|--------------|---|
| <input type="checkbox"/> | PATEN | Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh) |
|--------------------------|--------------|---|

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)

No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]